Headline	**Dutch Lady menang anugerah jenama terbaik**		
Date	**05 May 2010**	Language	**Malay**
MediaTitle	**Utusan Malaysia**	Page No	**20**
Section	**Ekonomi**	Article Size	**121 cm²**
Journalist	**N/A**	Color	**One Spot Color**
Frequency	**Daily**	ADValue	**1,984**
Circ / Read	**197,952 / 833,287**	PRValue	**5,952**

Dutch Lady menang anugerah jenama terbaik

KUALA LUMPUR 4 Mei – Peneraju pengeluaran produk tenusu, Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady) telah terpilih sebagai salah satu jenama terbaik di Malaysia dan mendapat pingat perak untuk kategori minuman bukan beralkohol.

Anugerah dan pingat berkenaan disampaikan dalam upacara Putra Brands Award 2010 yang berlangsung di sini baru-baru ini.

Dutch Lady dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, upacara penganugerahan ini juga telah mencalonkan pelbagai jenama terkemuka dalam negara sebanyak 20 kategori.

Katanya, acara yang diadakan baru-baru ini memperlihatkan 27 jenama memenangi anugerah pingat emas, 30 menerima pingat perak dan 29 lagi menerima pingat gangsa.

Sementara itu, Pengarah Dutch Lady Malaysia, Bas van den Berg berkata, beliau berterima kasih kepada para pelanggan Malaysia untuk kemenangan ini.

"Memenangi anugerah Putra Brand ini merupakan satu pencapaian yang paling manis untuk pelbagai produk susu Dutch Lady.

"Pencapaian ini mencerminkan pilihan pelanggan-pelanggan Malaysia yang mengakui jenama-jenama ini adalah sebahagian daripada kehidupan mereka," katanya.

Produk-produk yang dikeluarkan Dutch Lady termasuklah susu UHT, susu disterilkan dan susu berpastur, makanan ringan yogurt dan minuman yogurt yang menarik bagi kumpulan usia yang berbeza dengan variasi rasa untuk nutrisi penting bagi tuntutan gaya hidup masa kini.

Anugerah Putra Brand ini diperkenalkan oleh Persatuan Akreditasi Agen Iklan Malaysia (4As) dan dikelolakan untuk Malaysia's Most Valuable Brands (MMVB).